

PERPADUAN DALAM SENI LUKIS KARTUN: ANALISIS SEMIOTIK

UNITY IN CARTOON DRAWINGS: A SEMIOTIC ANALYSIS

Norzaliza Ghazali¹
Maizatul Azura Haji Yahya²
Ainal Akmar Haji Ahmad³
Fatinah Zainon⁴

¹Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia (TNR, 10, align left)

²Jabatan Pengajian Media, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya

³Jabatan Pengajian Media, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya

⁴ Pusat Pengajian Sains Kuantitatif, Universiti Utara Malaysia

Accepted date: 31 October 2018

Published date: 15 April 2018

To cite this document: Ghazali, N., Yahya, M. A. H., Ahmad, A. A. H., & Zainon, F. (2018). Perpaduan Dalam Seni Lukis Kartun: Analisis Semiotik. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(11), 30-41.

Abstrak: *Malaysia merupakan sebuah negara yang didiami oleh masyarakat yang berbilang bangsa, agama dan budaya serta memiliki ciri-ciri yang unik dan berbeza antara satu sama lain. Gagasan Malaysia menuntut setiap warganegara memainkan peranan masing-masing dalam usaha mengekalkan perpaduan. Dalam hal ini, kartunis juga boleh memainkan peranan penting untuk menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat menerusi kartun yang dihasilkan ke arah pemupukan perpaduan nasional. Walaupun kartun hanya paparan gambar yang tidak bergerak, namun ia dapat membentuk satu jalinan cerita melalui gabungan elemen latar, watak, plot dan peristiwa yang dapat menggambarkan senario masyarakat di Malaysia. Fungsi kata-kata dalam kartun adalah untuk menjelaskan, melengkapi, dan memperincikan penyampaian gambar dan teks sehingga membentuk satu kesatuan cerita atau dikenali sebagai naratif. Naratif berfungsi sebagai alat komunikasi dan pemahaman tentang dunia pemikiran pengkarya. Naratif memberi tumpuan ke atas cerita yang disampaikan oleh pencerita untuk mendapat makna daripada pengalaman hidup harian kita. Manakala semiotik adalah ilmu tentang lambang (sign), fungsi lambang, dan makna daripada lambang. Lambang adalah sesuatu yang berbeza mengikut persepsi masing-masing. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dan kaedah yang digunakan ialah kaedah analisis terhadap korpus terpilih. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat aspek-aspek kepelbagaian kaum dan kemajmukan budaya yang menjadi latar dan intipati kepada karya kartun di Malaysia. Elemen-elemen kebudayaan dan warisan tradisi dan ceritera masyarakat di Malaysia dilakarkan dengan sempurna dalam karya kartun yang dikaji.*

Kata Kunci: *Kartun, Lat, Perpaduan, Malaysia dan kebudayaan*

Abstract: *Malaysia is a multi-race country with diversity in religion and culture. The idea of*

Malaysia demand every citizen to play their roles in the effort to maintain unity. In this regard, cartoonist is no exception in the struggle to ignite the unity amongst citizen through their cartoons' work towards national integrity. Though cartoon is a lifeless display but it can create a story line through the element of background, character, plot and event that portray the Malaysian citizen. Words in the cartoon is to describe the character to form a narrative that express the mind-set of the cartoonist. Focus of the narrative is to give the meaning of everyday life experience. Semiotic is the study of signs and symbols and their use or interpretation. The meaning is different according to its own interpretation. This is a qualitative research and the methodology is an analysis on selected corpus. Result shows that there exist a diversity aspect of race and culture that become the background and essence of the cartoons' work in Malaysia. The element of culture and tradition legacy and the story of Malaysian citizen were finely sketched in the cartoons' work being studied.

Key words: *Cartoon, Lat, Integrity, Malaysia and Culture*

Pendahuluan

Perpaduan merupakan teras utama dalam hala tuju ke arah kecemerlangan. Apabila perpaduan telah mantap, maka pembangunan negara dapat dilaksanakan dengan berkesan. Malaysia merupakan sebuah negara majmuk yang mempunyai rakyat pelbagai bangsa dan budaya. Kepelbagaian kaum yang terdapat di Malaysia boleh dibahagikan kepada tiga kumpulan masyarakat terbesar, iaitu Melayu, Cina dan India. Selain daripada tiga kumpulan besar ini, terdapat juga kaum-kaum lain yang mendiami Malaysia. Sifat masyarakat Malaysia yang multikultural merupakan suatu hakikat yang wujud dalam masyarakat moden pada hari ini sehingga memerlukan setiap ahli masyarakat mengambil langkah untuk saling mengenali dan menyesuaikan diri antara satu sama lain. Dalam hal ini, prinsip kemajmukan dalam masyarakat perlu ditanam dalam diri setiap individu sejak dari kecil demi mengekalkan keharmonian dan saling menghormati antara kaum yang membolehkan keamanan negara mampu kekal sepanjang masa (Samsudin Suhaili, 2008, hlm. 81).

Seni adalah sebahagian daripada kebudayaan yang merangkumi aspek-aspek kehidupan manusia. Seni yang boleh mewujudkan kesejahteraan hidup adalah seni yang bersesuaian dengan nilai-nilai agama dan masyarakatnya. (Mulyadi, 1995). Ini bertepatan dengan saranan Feldman dan Effland (1970) yang menyatakan bahawa seni boleh menghubungkan manusia dengan warisan budaya. Sebuah karya seni yang baik mampu meninggalkan kesan rasa dan dapat dikongsi bersama oleh masyarakat penghayat seni (Mohd Johari Ab. Hamid dan Hamzah Lasa, 2013). Setiap karya seni adalah berguna secara praktikal untuk komunikasi dan menyampaikan pesan. Sulaiman Esa (dalam tulisan Lawrence Quek, 1996) menyatakan bahawa "...tanpa kekuatan pemikiran dan falsafah sesebuah lukisan tidak akan menjadi sebuah refleksi kepada budaya tinggi masyarakat. Hasil seni yang memanfaatkan semua aspek formalistik, artistik dan estetika yang berimej".

Kartun adalah sejenis lukisan berbentuk representasi atau simbolik yang membuat pernyataan bersifat lucu, tajam, atau menyindir. Ia boleh disertakan kata-kata atau sebaliknya, dan boleh mengandungi lebih daripada satu bingkai. Kartun selalunya terbit dalam penerbitan berkala. Lazimnya sasaran-sasaran kartun ialah bidang politik atau kemasyarakatan, tetapi ia juga boleh merangkumi persoalan-persoalan adat atau fesyen, sukan dan personaliti. (Low, 1976, hlm. 728)

Mohd. Noor Khalid (1990) merumuskan bahawa kartun adalah satu lukisan yang lucu, bertenaga dan berkebolehan mengajak pembaca berfikir dan peka terhadap perkembangan semasa. Beliau menambah, sesebuah kartun yang baik bukanlah terletak pada kecantikan lukisannya semata-mata tetapi juga pada maksud yang tersirat atau mesej yang ingin disampaikan. Mesej itu pula tidak sekadar menggeletek hati pembaca sahaja, tetapi turut mengajak pembaca berfikir dan merenung sejenak hasrat yang tersirat. Manakala kartunis pula sebagai perakam tingkah laku masyarakat, bukan hanya sekadar menguasai kepandaian melukis tetapi juga harus peka atau sensitif terhadap peristiwa yang berlaku di sekeliling untuk dijadikan idea berkarya.

Kartun dalam seni lukis merupakan lakaran. Proses menghasilkannya menggunakan kertas dan saiznya sama seperti lukisan, tapestri, mosaik atau kaca bertinta (David Kunzle, 1993). Kartun dapat dikategorikan kepada beberapa jenis misalnya kartun editorial (kartun yang membicarakan isu semasa seringkali bersifat politik), kartun gag (kartun satu panel yang mempunyai kapsyen), kartun ilustratif (untuk iklan dan pengajaran), komik (jujukan kartun yang mempunyai cerita), dan kartun animasi (kartun melalui proses animasi).

Seni lukis kartun sebenarnya mempunyai banyak fungsi yang tersendiri dan ia bukan sahaja setakat sebuah ilustrasi atau lakaran yang membawa unsur-unsur hiburan. Sebaliknya, karya kartun ini jika diamati ianya membawa pelbagai fungsi yang secara tidak langsung dikatakan mampu meninggalkan kesan yang mendalam dan kekal di hati para pembaca. Kartun memainkan peranan penting dalam menyalurkan unsur-unsur pengetahuan, pendidikan, dan kebudayaan kepada masyarakat. Seni kartun merupakan ilham dan kreativiti pelukis mengungkapkan idea, kritikan, perasaan dan pandangan tersendiri. Oleh yang demikian, kartun dan kartunis sebenarnya mempunyai fungsi peranan dan yang besar dalam masyarakat. Oleh itu, tanggapan beberapa golongan tentang kartun sebagai satu karya seni yang rendah patut dikikis.

Sorotan Karya

Kajian berkaitan kartun telah banyak dilakukan oleh para sarjana khususnya di luar negara. Di Indonesia contohnya, kajian tentang kartun ini telah banyak dilakukan oleh para sarjana di sana. Antaranya Noval Supriyanto (2013), Kenfitria Diah Wijayanti (2011), Priyanto Sunarto (2005), Mulyadi Mahamood (2007, 2003), Norhayati Hood (2004) dan Sabri Haji Said (1996). Kajian oleh Noval Supriyanto (2013) yang bertajuk "*Gaya bahasa visual kartun editorial*" mendapati bahawa penggunaan kartun sebagai bahasa visual telah memudahkan media untuk menyampaikan sesuatu komen, sindiran dan kritikan terhadap suatu peristiwa dengan baik. Dengan menganalisis lima gaya bahasa visual yang terdapat pada kartun editorial iaitu gaya bahasa visual ironi, satire, parodi, tragedi dan sindiran, kajian ini mendapati bahawa setiap kartun editorial tidak hanya mengandungi hanya satu sahaja gaya bahasa visual sebaliknya terdapat gabungan beberapa gaya bahasa visual di dalamnya yang berfungsi menyampaikan mesej kartunis walaupun di antaranya tetap terdapat penggunaan gaya bahasa visual yang lebih dominan.

Kenfitria Diah Wijayanti (2011) dalam penulisannya yang bertajuk "*Wacana Kartun Dalam Majalah Berbahasa Jawa (Suatu Kajian Sosiopragmatik)*" telah mengenal pasti tujuh tindak tutur (TT) terdapat dalam kartun yang disiarkan dalam tiga majalah berbahasa Jawa iaitu majalah *Panjebar Semangat*, *Jaya Baya*, dan *Jaka Lodhang*. Populasi penelitiannya mencakupi semua kartun verbal yang berbentuk non-monolog (non-dialog), monolog dan dialog yang terdapat dalam ketiga-tiga majalah berbahasa Jawa tersebut sepanjang tahun 2009-2010.

Dengan mengaplikasikan kajian pragmatik dalam analisis kartun ini, Kenfiria telah mengenal pasti tujuh TT itu sebagai asertif, performatif, verdiktif, ekspresif, direktif, komisif dan fatis dan tindak tutur asertif didapati bersifat dominan berbanding tindak tutur lainnya.

Priyanto Sunarto (2005) dalam kajiannya bertajuk “*Metafora visual kartun editorial pada surat khabar Jakarta 1950 – 1957*” mendapati bahawa kartun editorial merupakan kolum gambar sindiran di media massa yang memaparkan berita dan isu yang sering dibincangkan dalam masyarakat persekitaran. Sebagai editorial visual, kartun mencerminkan budaya komunikasi masyarakat pada masa itu. Melalui metafora terungkap makna yang tersurat dan tersirat di sebalik sesuatu peristiwa. Metafora merupakan sebuah simbol (topik) ke sistem simbol lain. Dalam kartun editorial, metafora visual dilihat pada aspek rupa bentuk, bahasa tubuh dan pengalihan objek dan situasi. Metafora visual pada kartun editorial memperlihatkan situasi sosial dengan sikap emotif kartun. Penelitian mengambil tempoh situasi pada tahun 1950-1957 dengan tujuan untuk memahami bagaimana metafora kartun editorial berelasi dengan situasi politik dan budaya.

Kajian oleh Priyanto Sunarto (2005) juga mendapati bahawa wujudnya hubungan yang kuat antara kartun editorial dan media, dengan situasi politik dan kebudayaan masyarakat setempatnya. Kesimbangan situasi politik memberi peluang dan kebebasan pada kartun editorial mengungkap metafora dengan sikap emotif yang terbuka. Sebagai karya yang lahir dalam masyarakat moden, kartun menampilkan tanda dan kosa kata yang hidup dalam budaya global.

Seterusnya, kajian yang dijalankan oleh Mulyadi Mahamood (2007) bertajuk “*Identiti dan jati diri rakyat Malaysia dalam kartun Lat*” mendapati bahawa Lat merupakan seorang karyawan yang sentiasa peka dan prihatin terhadap perkembangan semasa, nilai-nilai jati diri bangsanya, kepelbagaian adat, budaya dan tradisi masyarakat majmuk Malaysia. Beliau sering memaparkan sifat-sifat dan ciri-ciri unik serta istimewa yang menjadi teras dan lambang keperibadian masyarakat Malaysia iaitu masyarakat yang berbilang bangsa yang hidup dalam suasana muhibah, harmoni dan penuh perpaduan. Lat juga menterjemahkan hati budi masyarakat Melayu yang berpegang teguh kepada Islam sebagai teras keperibadian mereka menerusi karya-karya yang bertemakan sosial ataupun keperibadian dalam menggarap ciri-ciri hidup bermasyarakat.

Sementara itu, kajian oleh Norhayati Hood (2004) yang bertajuk “*Kartun sebagai perlambangan budaya: Satu analisis semiotik kartun editorial dalam akhbar berbahasa Melayu*” mendapati kartun editorial di Malaysia bukan sahaja dilihat sebagai hiburan malahan mempunyai unsur pendidikan dan maklumat yang melambangkan nilai budaya sesebuah masyarakat. Kajian yang dilakukan bertujuan menginterpretasi dan memahami makna mesej dan gambaran sesebuah kartun editorial. Beliau menggunakan pendekatan semiotik bagi mengenal pasti bentuk, lambang dan objek dalam kartun editorial terpilih dalam ruangan *Senyum Kambing*, *Pak Sampuk* dan *Cuit-cuit* sebagai kajian kes. Penelitian yang dilakukan mendapati bahawa analisis semiotik ini menonjolkan maksud imej dan teks karya kartun editorial menerusi ungkapan-ungkapan berbentuk kiasan yang digambarkan melalui imej-imej haiwan, objek harian, elemen kontras, simbol, pemandangan harian dan rekaan. Ia juga mampu digunakan sebagai senjata kritikan dan teguran dalam pemaparan kartun editorial berbahasa Melayu, khususnya di Malaysia.

Muliyadi Mahamood (2003) telah mendapati bahawa dari sudut gaya, kartun dan karikatur ialah seni lukis yang terbentuk menerusi kaedah pengayaan, pengurangan, berlebihan dan pengubahsuaian rupa sesuatu subjek. Tujuan kartun adalah untuk humor, satira, hiburan, pendidikan dan propaganda. Justeru, pelukis menggunakan kartun untuk merakam, mengkritik dan membuat komentar terhadap sesuatu isu. Seterusnya, beliau telah menghuraikan perkembangan kartun editorial Melayu daripada tahun-tahun 1930-an dengan memberi tumpuan kepada persoalan gaya dan tema. Berdasarkan kajian yang dilakukan, perhubungan jelas antara kartun Melayu pramerdeka dengan kesusasteraan Melayu tradisional, terutamanya dari segi penggunaan teks terdapat dalam karya-karya pada waktu itu. Menurutnya pada ketika itu kebanyakan kartun menggunakan simpulan bahasa, peribahasa, pantun, syair, ayat-ayat beritma dalam teks, dan terdapat juga cerita-cerita jenaka.

Sabri Haji Said (1996) menjalankan kajian bertajuk kelangsangan dan fungsi sosial di dalam penerbitan kartun tumpuan kepada kartun-kartun di dalam Majalah Gila-Gila. Kelangsangan adalah elemen yang terpenting bagi menjadikan sesuatu kartun itu humor. Manakala humor pula adalah ciri yang terpenting di dalam lakaran kartun. Ada beberapa pendekatan yang sering digunakan oleh para kartunis bagi mencetuskan humor di dalam penerbitan kartun mereka. Pendekatan ini pula saling berkait dengan tema kartun dan khalayak. Kajian ini memberikan tumpuan kepada aspek tema kartun. Dua tema kartun telah dipilih, iaitu tema kemasyarakatan dan tema politik. Kedua-dua tema ini mempunyai peranan dan fungsi sosial kepada masyarakat. Malah tema-tema ini adalah cerminan budaya masyarakat.

Hasil kajian menunjukkan peningkatan dari segi tema kemasyarakatan dan politik di dalam majalah Gila-Gila dalam fasa yang terkemudian berbanding dengan fasa yang terdahulu. Selain itu, kajian ini juga menunjukkan bahawa kelangsangan boleh terbahagi kepada dua bentuk iaitu kelangsangan fizikal dan kelangsangan lisan. Kelangsangan fizikal ini lebih menonjol dalam kartun bertemakan kemasyarakatan manakala kelangsangan lisan lebih menonjol dalam kartun bertema politik.

Pendekatan

Naratif

Kajian ini dilakukan terhadap lakaran-lakaran kartun dalam karya kreatif Lat. Karya Lat ini dipilih kerana mencerminkan jiwa dan budaya masyarakat di Malaysia. Kaedah analisis kandungan digunakan untuk meneliti semua kartun yang dipilih. Data-data telah dianalisis secara analisis kandungan bertema (Howitt & Cramer, 2008, 10) di mana pengasingan data telah dilakukan berdasarkan kepada pendekatan naratif dan semiotik yang digunakan.

Walter Fisher (1987), menyatakan bahawa naratif adalah asas komunikasi dan menyediakan struktur kepada pengalaman manusia dan mempengaruhi manusia berkongsi penerangan dan pemahaman. Beliau mendefinisikan naratif sebagai tindakan (perkataan/perbuatan) simbolik yang mempunyai urutan dan makna kepada mereka yang hidup, mencipta dan menginterpretasikannya. Manusia adalah seseorang pencerita dan bahawa pertimbangan akal, emosi, dan estetika menjadi dasar keyakinan dan perilaku kita. Manusia lebih mudah terkesan oleh sebuah cerita yang baik. Paradigma narasi mengkonsepkan bahawa manusia adalah pencerita dan manusia mengalami kehidupan dalam suatu bentuk narasi. Paradigma narasi membawa kepada sebuah pemikiran dari beberapa konsep utama yang membentuk inti dari kerangka teori. Narasi, rasional cerita, dan logik dari alasan-alasan yang baik.

Narasi sering dianggap hanya sebagai sebuah narasi tetapi untuk Walter Fisher narasi adalah lebih dari sekadar sebuah cerita, dengan bahagian awal, tengah dan akhir. Dalam sudut pandang Walter Fisher, narasi mencakupi perhitungan verbal atau non verbal dengan rangkaian peristiwa-peristiwa sehingga pendengar menempatkan sebuah makna. Hal ini tentunya Walter Fisher menunjukkan semua komunikasi adalah narasi (cerita).

Koherensi adalah prinsip dari rasional narasi yang menilai ketetapan internal dari sebuah cerita. Cerita mempunyai konsistensi ketika semua bagian dari cerita disajikan; kita tidak merasa bahawa sang pencerita telah meninggalkan fakta penting atau unsur yang disangkal dalam sebuah cerita dalam cara apapun. Koherensi adalah standard dari kemasukan idea yang digunakan dalam cerita yang diberikan. Kemasukan idea ini biasanya diraih ketika karakter di dalam sebuah cerita berperanan secara konsisten.

Koherensi sering diukur oleh keorganisasian dan susunan unsur cerita. Ketika si pencerita melewati dan meninggalkan informasi penting, menginterupsi aliran cerita untuk menambahkan unsur yang terlupakan pada awalnya, dan secara umum tidak lancar dalam menyusun cerita, pendengar dapat menolak cerita untuk tidak memiliki koherensi.

Characterological coherence adalah karakter-karakter di dalam cerita yang dapat dipercaya. *Fidelity* (kebenaran) adalah cerita yang penuh dengan kebenaran atau dapat dipercaya. Cerita dengan kebenaran terdengar benar kepada pendengar. Walter Fisher mencatat bahawa ketika unsur-unsur dari sebuah cerita “menggambarkan pernyataan yang tegas tentang realiti sosial”, cerita itu mempunyai kebenaran. *The Logic of Good Reasons* berhubung dengan idea Walter Fisher tentang kebenaran adalah metode utama yang diajukan untuk menilai kebenaran cerita logik dari alasan-alasan yang baik. Walter Fisher menegaskan bahawa ketika cerita mempunyai kebenaran, cerita-cerita itu menyatakan alasan-alasan yang baik untuk seseorang memegang kepercayaan tertentu atau untuk mengambil tindakan.

Semiotik

Perkataan semiotik berasal dari bahasa Yunani *semeion* yang bermaksud ‘tanda’ atau *sign* dalam bahasa Inggeris. Semiotik ialah ilmu yang mengkaji tentang tanda, fungsi dan makna. Dalam kajian semiotik, konsep tanda ini muncul apabila terdapatnya hubungan yang bersifat asosiasi atau *in absentia* antara tanda (*signified*) dan penanda (*signifier*). Dengan kata lainnya, penanda adalah bunyi yang bermakna atau coretan yang bermakna.

Umumnya, terdapat dua cara memandang fakta dalam ilmu pengetahuan. Fakta merujuk kepada sesuatu yang tertangkap oleh pancaindera. Fakta diperlukan dalam ilmu pengetahuan alam sementara dalam ilmu pengetahuan berkaitan sosial dan budaya, fakta bukan segalanya kerana di sebalik fakta tersirat sesuatu yang lain. Menurut Hoed (2014), dalam ilmu pengetahuan sosial dan budaya, fakta merujuk kepada fikiran, emosi dan juga keinginan. Menurut Hoed (2014) lagi, semiotik tergolong dalam kategori golongan ilmu pengetahuan yang kedua, iaitu di sebalik fakta yang diberikan terdapat di sebaliknya sesuatu yang lain, iaitu makna.

Teori berkaitan tanda atau semiotik ini dapat dibahagikan kepada tiga kelompok besar, iaitu struktural, pragmatik dan gabungan struktural-pragmatik seperti berikut:

a. Semiotik Struktural

Semiotik struktural terbentuk daripada teori tentang tanda bahasa yang telah dikemukakan oleh Ferdinand de Saussure (1857 – 1913). Dalam teori tersebut, de Saussure telah memperkenalkan

lima perkara dalam penelitian semiotik iaitu 1) tanda terdiri daripada penanda (*signified*) dan petanda (*signifier*) yang hubungan pemaknaannya didasari oleh konvensi sosial; 2) bahasa ialah satu bentuk gejala sosial yang bersifat arbitrari serta konvensional dan terdiri daripada peringkat kaedah sosial dan juga praktik sosial; 3) hubungan antartanda adalah bersifat sintagmatis dan asosiatif; 4) bahasa diteliti dari aspek perkembangan dan sistem; dan 5) sebagai gejala sosial, bahasa terdiri daripada dua sistem iaitu kaedah sistem internal (*langue*) dan praktik sosial (*parole*).

Menurut de Saussure lagi, pemaknaan tanda bahasa terjadi apabila manusia mengaitkan penanda dengan petanda. Perkaitan kedua-dua aspek ini didasari oleh konvensi sosial. Bahasa terdiri daripada tanda-tanda yang tersusun secara linear dan berdampingan. Menurut Hoed (2014), susunan antartanda dikatakan didasari oleh relasi sintagmatik linear, misalnya *Ali makan nasi*. Malah, tanda bahasa juga dapat dilihat dalam rangka relasi asosiatif. Walau bagaimanapun, dalam konteks yang lebih terbatas, relasi asosiatif terdapat pada kaitan sistem bahasa itu sendiri. Sebagai contoh, perkataan mahasiswa menjadi *kemahasiswaan*, didik menjadi *pendidikan, kependidikan, berpendidikan* dan *anak didik* (de Saussure, 1960, hlm. 170-175).

Dalam kebudayaan, pemaknaan terbentuk secara sosial. Keadaan ini kebiasaannya didasari antara lainnya oleh ingatan kolektif sesuatu masyarakat. Ingatan kolektif ini merupakan aspek *langue* manakala pelaksanaannya pula ialah aspek *parole*. Dalam semiotik struktural, satu bentuk pemaknaan melibatkan dwipihak. Selain itu, makna juga diidentifikasi melalui relasi antartanda serta tidak bersifat individual.

b. Semiotik Pragmatik

Teori semiotik pragmatik ini diperkenalkan oleh Charles Sanders Peirce (1839 – 1914). Menurut Peirce, tanda dan pemaknaannya bukanlah struktur sebaliknya suatu proses kognitif yang dinamakannya semiosis. Proses semiosis ini menurut Peirce melalui tiga tahap. Tahap pertama adalah pencerapan aspek representasi tanda (melalui pancaindera), tahap kedua pula mengaitkan representasi tanda dengan pengalaman dalam kognisi manusia yang memaknai representasi tersebut. Tahap ketiga pula disebut interpretasi iaitu cara pemaknaan tanda melalui kaitan di antara representasi dan objek yang didasari oleh pemikiran bahawa objek tidak semestinya sama dengan realiti yang dihasilkan oleh representasi. Objek timbul kerana pengalaman memberi makna pada tanda (Merrell, 2000, hlm. 28).

Lat Ikon Merdeka

Dalam empat dekad beliau berkarya, Lat menjadi seniman rakyat. Dia menceduk sejuta pengalaman daripada pengamatannya yang tajam terhadap perkara yang berlaku disekelilingnya. Dia menumpahkan pengamatannya itu selepas menyaringnya dengan pandangan mata hati sebagai seniman ke atas kertas untuk kita melihat diri kita sendiri. Memetik kata-kata Redza Piyadasa (1982):

Gambar-gambar yang Lat lukis itu tidak membayangkan satu pandangan Melayu yang sempit tetapi mempersembahkan satu perspektif Malaysian tentang realiti sosial tempatan. Lat berkebolehan istimewa. Beliau dengan mudahnya menyelam ke dalam milieu budaya kita yang bersifat berbilang kaum dan timbul dengan kelucuannya. Pencapaian ini adalah akibat daya usaha beliau meneliti manusia dan kejadiannya secara terperinci. Lat berjaya meninggalkan dunia sosial negatif dengan pandangan universal yang bersifat positif.

Nama sebenarnya Mohd Noor Khalid, dilahirkan pada 5 Mac 1951 di Kampung Lalang, Mukim Kota Bharu, Perak Darul Ridzuan. Bapanya Khalid bin Mohd Noh merupakan seorang kerani awam di Battalion ke-5 Askar Melayu Diraja. Manakala ibunya, Hajjah Noor Azian Haji Said seorang suri rumahtangga. Beliau adalah anak sulung daripada lima beradik. Berdasarkan pandangan ibunya, Lat seorang pemerhati yang tajam dan apabila beliau mahukan sesuatu, beliau akan cuba mendapatkannya.

Muliyadi menggelar Lat sebagai "Bapa Kartun Malaysia Kontemporari" kerana menjadi kartunis Malaysia pertama yang mencapai pengiktirafan sedunia serta membantu menaikkan martabat industri perkartunan negara. Menurut Redza, Lat menenangkan ketegangan perkauman negara dengan karyanya. Dengan melukis masyarakat pelbagai kaum dalam babak beramai-ramai, tak lupa interaksi sesama mereka, Lat mencerminkan masyarakat Malaysia dengan cara yang lembut dan tanpa kecenderungan. Redza berhujah bahawa, walaupun ada yang mendakwa bahawa Lat terpaksa memainkan peranan pengantara sesama kaum dan budaya (kerana beliau menyertai "akhbar bahasa Inggeris terulung di negara yang dibaca oleh masyarakat berbilang kaum"), namun beliau memiliki sifat-sifat yang diperlukan, iaitu pengetahuan intim tentang pelbagai kaum dan budaya. Formulanya ternyata berjaya; lebih 850,000 salinan buku-bukunya terjual dalam 12 tahun selepas himpunan pertama kartun editorialnya mulai dijual pada tahun 1977.

Keselesaian yang dicari-cari oleh pembaca dalam karya-karyanya begitu mendalam sehingga pada September 2008, Beliau penerima Anugerah Kartunis Sepanjang Zaman 2012 selain dinobatkan penerima Anugerah Merdeka 2014 yang diumumkan oleh Sultan Perak Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, Penaung Diraja Lembaga Pemegang Amanah Anugerah Merdeka awal September lalu. Penghargaan ini diterima berikutan sumbangan Lat melalui industri seni dan kreatif serta impak siri komik Kampung Boy yang menjadikan perpaduan, budaya dan politik masyarakat Malaysia sebagai tema utamanya.

Dapatan Kajian

Dalam konteks seni lukis kartun, Lat dilihat sebagai salah satu contoh yang paling berjaya dalam mencerminkan aspek perpaduan dan sekaligus konsep 1Malaysia yang sedang hangat dipertutakan. Lat sejak awal penglibatannya dalam kartun telah mencerminkan kemajmukan masyarakat Malaysia. Hal ini demikian kerana Lat membesar dalam latar belakang masyarakat Malaysia yang sememangnya berbilang bangsa dan budaya. Lat mempunyai cara yang tersendiri apabila bercerita tentang Malaysia. Penceritaan mengenai cara hidup dan keadaan di negara kita yang berubah selama 4 dekad digarap dengan begitu teliti. Selain itu, karya Lat juga sering menyentuh isu semua bangsa membuatkan kita saling mengenali antara satu sama. Dalam artikel ini hanya akan membincangkan mengenai naratif Malaysia daripada pespektif budaya dan warisan dan ceritera masyarakat Malaysia yang dipaparkan dalam lakaran kartun beliau.

Berdasarkan analisis, didapati Lat banyak memaparkan unsur kepelbagaian kaum di Malaysia yang melambangkan latar masyarakat majmuk di negara ini. Ini bersesuaian dengan kedudukan orang Melayu sebagai kaum bumiputera sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan (Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu), budaya kaum Melayu dipaparkan dengan lebih dominan berbanding kaum-kaum lain. Selain itu, pengaruh latar belakang identiti Lat sebagai orang Melayu yang berhubung rapat dengan kaum-kaum lain di kampungnya juga turut mempengaruhi karya beliau.

Naratif Budaya Dan Warisan Malaysia

Zaman moden memperlihatkan bahawa masyarakat akan mengalami perubahan ke arah kehidupan yang lebih moden yang secara tidak langsung meninggalkan amalan-amalan budaya yang dianggap tidak relevan. Maka berlakulah peninggalan amalan budaya lama yang dianggap tidak lagi relevan dengan keadaan semasa. Di Malaysia situasi sekarang sangat menuntut pembangunan rohani dan moral ke arah kehidupan yang akan memperkasa nilai-nilai murni sosiobudaya. Dalam hal ini, jelas terbukti Lat begitu bersungguh-sungguh dalam memastikan kelangsungan tamadun dan perjuangan dalam mempertahankan sosiobudaya. Dalam karya Lat banyak memaparkan unsur budaya dan warisan masyarakat di Malaysia tentang pakaian, pekerjaan, aktiviti harian, aktiviti keagamaan dan warisan seperti rumah tradisional, makanan dan sebagainya.

Antara unsur budaya Melayu yang dipaparkan dalam lakaran kartun beliau ialah pakaian tradisi seperti baju kurung, baju kebaya dan baju Melayu sering dipakai terutamanya apabila ada majlis keraian. Manakala apabila seseorang itu menghadiri majlis keagamaan, digambarkan orang Melayu memakai kain pelekat berserta songkok manakala yang perempuan memakai baju kurung dan bertudung. Masyarakat Cina pula digambarkan memakai cheongsam bagi perempuan. Gambaran budaya masyarakat India dalam lakaran kartun Lat dipaparkan menerusi budaya berpakaian tradisi, iaitu sari dan berdhoti. Kaum India masih mempunyai pegangan kuat terhadap nilai dan budaya warisan. Terdapatnya tanda Bindi dan Sindoor di dahi bagi wanita India sebagai unsur keagamaan dan kebudayaan yang masih diamalkan sehingga ke hari ini.. Setiap bangsa mempunyai budaya dan adat yang tersendiri dan perlu difahami untuk mewujudkan masyarakat yang harmoni.

Lat sering melakarkan masyarakat Malaysia dalam karyanya. Budaya masyarakat Melayu dalam *Budak Kampung* (1979) dipaparkan oleh Lat bermula ketika anak dilahirkan yang disambut oleh bidan dan diserahkan kepada si bapa untuk diazankan. Selain itu, adat bercukur kepala, marhaban, bersunat, mengaji Quran dan perkahwinan merupakan sebahagian detik-detik kehidupan yang dilalui oleh anak Melayu yang tinggal di kampung mahupun bandar. Lat melakarkan majlis berkhatan secara teratur bermula dengan kenduri kendara yang dibantu dengan sanak saudara dan sahabat handai yang datang. Kanak-kanak yang akan dikhatankan dipakaikan baju Melayu yang baharu. Mereka diberi makan sirih dan pinang dan setelah itu diarak beramai-ramai ke sungai untuk berendam dengan iringan rebana kampung. Setelah itu, kanak-kanak tadi akan dipanggil seorang demi seorang untuk dikhatankan di atas batang pisang oleh tok mudim.

Manakala warisan rumah tradisi menghiasi karya kartun Lat menggambarkan kehalusan seni pertukangan Melayu. Ketelitian Lat melakarkan lukisan yang sempurna menjadikan lakarannya hidup dan menarik. Lat berpandangan bahawa:

Saya dilahirkan di rumah tidak di hospital, dan nenek saya menjadi bidan. Dahulu, kaum ibu bersalin di rumah kampung atau Rumah Kutai di Perak di mana rumahnya tinggi. Saya gambarkan keadaan dalam rumah itu dalam lukisan saya supaya generasi muda dapat mengamatinya. Generasi muda perlu tahu asal usul mereka supaya mereka tidak hidung tinggi. Mereka perlu sedar datuk nenek mereka dahulu bukannya senang, ada yang mendulang dan bersawah.

Paparan struktur binaan rumah Melayu yang terdiri daripada tiang utama, rasuk panjang dan rasuk pendek, alang lintang dan alang panjang, tunjuk langit, tulang bumbung dan tiang tongkat jelas kelihatan dalam lakaran beliau. Rumah Melayu juga mempunyai kaki tiang yang dialas dengan alas yang diperbuat daripada kayu, batu atau konkrit (Mohd. Koharuddin Mohd. Balwi, 2005). Apabila meneliti lakaran rumah yang dibuat oleh Lat dalam karyanya *Budak Kampung* (1979) kita juga dapat melihat bentuk rumah tradisional Melayu yang struktur bahan binaan utamanya diperbuat daripada kayu cengal yang keras dan tahan lama. Cengal dikategorikan sebagai kayu terkeras yang tahan lama. Ketahanan kayu itu disebabkan terdapat sejenis bahan awet semula jadi yang melindungi kayu teras. Oleh kerana kualitasnya yang baik biasa digunakan bagi kerja pembinaan berat seperti membuat rumah, perahu dan jambatan kerana ia juga tahan serangan anai-anai. Selain itu, keadaan lantai rumah yang tinggi dari permukaan tanah adalah disebabkan faktor keselamatan dan hujan.

Kecenderungan Lat melukiskan budaya Melayu secara dominan dalam komik ini adalah sejajar dengan kehidupan peribadi Lat kerana budaya yang digambarkan adalah budaya yang hampir dengan kehidupannya sendiri sebagai orang Melayu. Hal ini, telah mempengaruhi karya Lat kerana beliau dapat mengadaptasikan pengalaman hidupnya dalam komik tersebut sedangkan budaya kaum lain diperoleh dengan sebaik mungkin melalui interaksi, pergaulan, pergaulan, pemerhatian, pengamatan dan bacaannya. Secara tidak langsung, hal tersebut membolehkan Lat menghasilkan karya yang lebih realistik dan berkesan kepada pembaca.

Ceritera Masyarakat Malaysia

Karya-karya awal Lat yang signifikan seperti *Keluarga Si Mamat* (1979), *Kampung Boy* (1979) dan *Town Boy* (1981) telah membina asas kepada konsep pengkaryanya. *Keluarga Si Mamat* (1979) memperlihatkan kecenderungannya terhadap aspek kehidupan seharian dan budaya setempat. *Keluarga Si Mamat* sejak 1968 berterusan sehingga 26 tahun. Manakala dalam *New Straits Times* beliau telah berkarya lebih 40 tahun. Menurut Lat pada masa itu beliau masih muda dan cenderung kepada budaya berbilang kaum. Beliau berkawan dengan kawan-kawan Cina, India, Sikh dan Serani. Beliau pernah melakarkan lukisan mengenai perkahwinan kaum Sikh semasa bertugas sebagai wartawan. Menurut penceritaan, beliau telah menghadiri perkahwinan yang diadakan di kuil Kampung Pandan itu, dan hanya dibenarkan masuk dengan syarat menutup kepala dengan kain kerana rambutnya yang panjang. Dalam budaya Sikh, bapa pengantin lelaki akan memeluk besannya dan mengangkatnya sesama sendiri.

Selain daripada watak utama Lat dan rakan-rakannya, yang terdiri daripada anak-anak Melayu dan kaum-kaum lain, terdapat watak cikgu bahasa Inggeris keturunan Cina bernama Mrs Hiew, yang berbadan besar, garang dan berkaca mata tajam. Selain itu, Lat juga melakarkan watak lelaki Punjabi yang memakai turban dengan dialog-dialog yang melucukan dan mencuit hati. Ini menimbulkan perasaan keMalaysiaan dan penerimaan rakyat Malaysia akan hakikat kita hidup sebungkus dalam sebuah masyarakat yang majmuk dan berbilang keturunan. Manakala dalam *Lat dan Easy*, Lat menampilkan tema 1Malaysia menerusi suasana pameran seni di sebuah galeri. Di samping karya-karya seni yang abstrak, tergantung sebuah karya berbentuk cermin besar berbingkai indah. Di bahagian atasnya terpampang slogan 1Malaysia sementara dihadapannya terdapat sekumpulan pengunjung galeri yang sedang menghayati karya tersebut. Ada yang kelihatan tersenyum, hairan dan tertanya-tanya makna lakaran tersebut. Selain itu, terdapat watak-watak berbilang bangsa di Malaysia yang terdiri daripada Melayu, Cina, India, dan Sikh yang merupakan watak-watak trademark yang biasa dilihat dalam kartun-kartun Lat.

Secara tidak langsung, masyarakat dapat memupuk semangat perpaduan dengan memperlihatkan bahawa walaupun berlainan bangsa namun kita mempunyai satu matlamat ke arah 1Malaysia. Gagasan untuk mewujudkan satu masyarakat yang berpadu dan mempunyai semangat cinta akan negara berpandukan Perlembagaan Negara dan Rukun Negara, mencerminkan rakyat Malaysia yang saling bekerjasama, bermuafakat, berdikari, berfikir dan menghayati satu visi untuk membina satu Negara Bangsa (Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia).

Menurut Lat juga, cerita yang dilakarkan melalui karya *Budak Kampung* (1979) bukanlah cerita rekaan tetapi adalah hakikat sebenar. Sungguhpun ia adalah cerita dan pengalamannya selama berada di kampung, namun hasil karyanya telah menyuntik semangat perpaduan kaum, memupuk rasa harmoni dan persefahaman sosial serta perbezaan kedua-dua persekitaran kehidupan bandar dan luar bandar. Dalam *Budak Kampung* (1979) beliau menceritakan suasana kampung yang dihidupkan menerusi kegiatan seharian penduduk yang bekerja di ladang getah, melombong bijih, membersihkan kebun, menjemur kain basuhan, berbasikal, berbelanja, dan berborak-borak di kedai kopi. Terdapat watak-watak Melayu, Cina dan India hidup saling bergantung antara satu sama lain. Menerusi kartunnya, Lat menggambarkan realiti kehidupan harian masyarakat Malaysia dengan menekankan kepada aspek perpaduan. Sifat hormat-menghormati, memahami antara satu dengan yang lain, serta bertoleransi menjadi ramuan yang penting bagi mengekalkan perpaduan. Lat telah menunjukkan bahawa perpaduan dan semangat 1Malaysia memang sudah tersedia wujud dan ia harus dihayati dan dihargai.

Kesimpulan

Populariti kartun beliau, sama ada terbukti kerana kejayaan karya beliau menembusi pasaran antarabangsa mahupun tahap jualan karyanya yang tinggi secara langsung memperlihatkan pengaruh besar Lat pada masyarakat tempatan dan antarabangsa. Karyanya mampu memberi pengaruh dan impak besar kepada masyarakat seluruh negara. Setiap lakaran kartun yang diterjemahkan dapat memupuk semangat perpaduan kaum berbilang bangsa, penerapan kasih sayang terhadap negara, aspek disiplin serta gambaran suasana sosial di Malaysia. Dengan pemaparan masyarakat yang berbilang kaum secara tidak langsung dapat meningkatkan pemahaman tentang budaya sesuatu kaum dalam pelbagai aspek yang pastinya dapat membentuk perpaduan yang kukuh.

Rujukan

- Arbak Othman. (2008). *Semiotik*. Seri Kembangan: Citra Kurnia Enterprise.
- Anderson, Benedict R. O’G. (2004). *Imagined communities*. Cornell University Press.
- Aziz Deraman. (1995). *Masyarakat dan kebudayaan Malaysia*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aziz Deraman. (2005). *Intelektualisme budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chandra Muzaffar. (2012). *Perjalanan ke arah satu Malaysia*. Kuala Lumpur: Zubedy.
- Hoed, B. H. (2014). *Semiotik & dinamika sosial budaya*. Beji Timur, Depok: Komunitas Bambu.
- Horn, M. (1980). *Caricature and cartoons*. The World Encyclopedia of cartoons. London: Chelsea House Publisher.
- Jumali Hj. Selamat, Mohamad Ayob Ahmad, Khaidzir Hj Ismail & Shaharuddin ahmad. (2012). *Menghayati Rukun Negara, Strategi dan Pelaksanaan*. Seremban, Negeri Sembilan: Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dan Pusat Akreditasi Pembelajaran Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Low, D. (1976). *Cartoon*. Encyclopedia Americana. New York: Americana Corporation. Jilid 5.
- Lat. (1994). *Lat: 30 Years later*. Petaling Jaya: Kampung Boy Sdn. Bhd.
- Lat. (1979). *Budak Kampung*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Lat. (1980). *Town Boy*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Lat. (1989). *Mat Som*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Lat. (1995). *Keluarga Si Mamat*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Muliyadi Mahamood. (2010). *Dunia kartun menyingkap pelbagai aspek seni kartun dunia dan tempatan*. Kuala Lumpur: Creative Enterprise Sdn. Bhd.
- Muliyadi Mahamood. (2010). *Kartun Editorial Melayu Sejak 1990*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).
- Muliyadi Mahamood. (1984). Sikap dan sifat masyarakat Melayu daripada kaca mata kartunis Melayu Malaysia Masa Kini. Latihan Ilmiah Diploma Seni reka Shah Alam: Institut Teknologi MARA.
- Muliyadi Mahamood. (1989). *Malaysia cartoonists: Artist with a function in society di caricature, cartoons and comic exhibition catalogue*. Kuala Lumpur: National Art Gallery.
- Muliyadi Mahamood. (1990). *A brief history of Malaysian cartoons*. Kuala Lumpur: Kampung Boy Sdn Bhd.
- Muliyadi Mahamood. (1993). *Mendekati seni lukis dan seni reka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muliyadi Mahamood. (1995). *Seni lukis dalam peristiwa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muliyadi Mahamood. (2004). *The history of Malay editorial cartoons (1930s-1990)*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Muliyadi Mahamood. Oktober-Disember, (2007). Identiti dan jati diri rakyat Malaysia dalam kartun Lat. *Pemikir*. Bil 50.
- Muliyadi Mahamood. (1999). *Kartun dan kartunis*. Selangor: Stilglow Sdn. Bhd.
- Mokhtar Petah. (2011). *Falsafah gagasan 1Malaysia*. Selangor: Amnas Enterprise.
- Noth, W. (1990). *Handbook of semiotics*. Bloomington: Indiana University Press.
- Peirce, C. S. (1934). *Collected Papers, Volume 5*. Cambridge, MA: Harvard University.
- Samsudin Suhaili. (2008). Masyarakat multikulturalisme Malaysia: Semasa dan masa depan. Dalam Second International Seminar on Language, Literature, art and culture of the Malay-Maori and Pacific Languages. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zainurul Aniza Abdul Rahman & Bahfen, N. (2014). Imaging kampung: The rural and urban icons of Malaysia in the cartoon of Lat. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 16 (1), 63-74.